

TUKAR PEMIMPIN KALAU HENDAK BERBAIK - DR. M

U.M. 18 SEP 1992

Oleh
Shahriman Sharuddin

TAWAU 17 Sept.
— Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, hubungan Sabah dan Kerajaan Pusat akan dapat dipulihkan sepenuhnya jika pemimpin yang ada di negeri itu sekarang ditukar dengan pemimpin yang bersikap keMalaysiaan.

Menurut beliau, jika ada perubahan seumpama itu, hubungan antara Sabah dan Kerajaan Pusat akan turut berubah.

Bagaimanapun, katanya, ia hanya akan berlaku jika pengganti itu bersifat keMalaysiaan.

"Tetapi, keadaan tidak akan berubah walau pemimpin itu mempunyai pandangan yang sama seperti Datuk Joseph Pairin Kitingan (Ketua Menteri

Sabah)," katanya kepada para pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, pagi ini.

Beliau menyatakan demikian ketika ditanya adakah hubungan kerajaan negeri dan Pusat akan berubah jika Ketua Menteri Sabah sekarang bertukar.

Serius

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, terpulanglah kepada rakyat Sabah untuk menentukan siapa pemimpin mereka yang difikirkan layak untuk memulihkan hubungan itu.

Serentak dengan itu, beliau berkata, Kerajaan Pusat memandang serius terhadap sentimen yang ditiupkan di Sabah pada masa ini yang ingin mengekalkan pengasingan Sabah daripada negeri-negeri lain di Malaysia.

Menurut beliau, walaupun tidak mungkin Sabah dikeluarkan dari Malaysia namun sen-

LHAT MUKA 2

TUKAR PEMIMPIN KALAU HENDAK BERBAIK - DR. M

timen ingin mengekalkan pengasingan, itu masih wujud.

"Ini cuba mereka lakukan dengan harapan bahawa 'di dalam kolam yang kecil mereka boleh jadi orang yang besar'.

"Kita nampak mereka sengaja membangkitkan sentimen *Sabah untuk orang Sabah* sebagai usaha pengasingan itu," jelas beliau.

Bagaimanapun beliau menegaskan, melalui Perhimpunan Pemuda Barisan Nasional (BN) yang diadakan di sini semalam, kehadiran puluhan ribu rakyat menunjukkan rakyat Sabah bersikap positif ke arah memulihkan hubungan Sabah dan Kerajaan Pusat.

"Saya percaya, jika tidak ada cara-cara yang tidak sihat dilakukan oleh parti lawan untuk menolak perubahan itu, BN pasti akan mendapat kemenangan," katanya.

Katanya, rakyat di Tawau, malah seluruh Sabah tahu bahawa BN hanya berhajat untuk membangunkan Negeri Sabah.

"Kita tidak terlintas untuk berbuat lebih daripada itu selain daripada propaganda yang dibuat oleh kerajaan negeri yang sengaja mahu membangkitkan perasaan anti-Semenanjung, malah juga Negeri Sarawak," tegasnya.

Mengenai langkah kerajaan negeri mengetatkan peraturan Imigresen yang menghendaki rakyat Malaysia yang masuk ke Sabah mengikut Labuan menggunakan pasport bertujuan untuk menjaga keselamatan seperti didakwa oleh Pairin, beliau berkata, soal keselamatan adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat dan bukan kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri tidak ada polis, tentera dan senjata tetapi kita Kerajaan Pusat ada segala alat dan anggota untuk menjaga keselamatan Sabah," katanya.

Tambahnya, alasan Datuk Pairin itu tidak munasabah sama sekali, selain daripada sengaja untuk membangkitkan sentimen *Sabah untuk orang Sabah*.